

SYARAT PENGGUNAAN LOGO

Ladang ternakan dan premis walit yang dianugerahkan sijil MyGAP dibenarkan menggunakan logo tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- ✓ *Logo boleh dicetak pada label / pembungkus keluaran yang diluluskan sahaja (keluaran yang didaftarkan semasa permohonan). Contoh pembungkus mengikut saiz sebenar yang bercetak samada dalam bentuk gambar foto atau dalam saiz sebenar hendaklah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai bukti penggunaan.*

- ✓ *Penggunaan logo MyGAP hanya dibenarkan ke atas produk dan premis yang diluluskan oleh DVS, Malaysia selain daripada tujuan pengiklanan.*

- ✓ *Pengusaha ladang ternakan dan premis walit yang diluluskan bersetuju membenarkan pegawai DVS menjalankan audit pemantauan (surveillance audit) dan audit pemeriksaan semula (review audit) serta mengambil sampel untuk ujian makmal.*

- ✓ *Segala perubahan dalam pengurusan, ladang atau premis dan operasi hendaklah dimaklumkan kepada DVS dalam masa 30 hari selepas perubahan dibuat.*